

29/10/2002

Ramai sokong kerahan tenaga pupuk perpaduan

KUALA LUMPUR, Isnin - Langkah memperkenalkan kerahan tenaga bagi rakyat berusia 18 tahun pada setiap tahun disambut baik kerana ia dikatakan mampu melahirkan generasi muda yang lebih berdisiplin dan memupuk semangat perpaduan.

Naib Presiden Persatuan Graduan Muda Malaysia, Tan Boon Han, berkata kerahan tenaga adalah satu cara untuk mendisiplinkan generasi muda selain mampu memupuk semangat bekerjasama sesama mereka.

"Tetapi pelaksanaan cadangan itu memerlukan peruntukan besar daripada kerajaan setiap tahun. Bagaimanapun, program kerahan tenaga adalah baik untuk tempoh jangka panjang.

"Cadangan itu juga baik untuk membabitkan rakyat tanpa mengira kaum dalam pasukan pertahanan supaya mereka dapat melindungi negara bersama-sama," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Cadangan memperkenalkan kerahan tenaga yang dikemukakan aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ahli Parlimen Gelang Patah, Chang See Ten, mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengemukakan cadangan itu kepada Kabinet untuk dibincangkan.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Pembangunan India Malaysia, M Ghana Segaran, berkata kerahan tenaga harus dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah tinggi dengan sedikit pengubahsuaian dibuat pada sukatan latihan.

Beliau berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh membantu mempromosi dan menimbulkan kesedaran mengenai program kerahan tenaga.

"Peruntukan khas harus disalurkan melalui Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mencapai objektif itu.

"Satu majlis bersama antara agensi kerajaan dan NGO untuk memastikan pelaksanaan program itu berjalan lancar dan berkesan," katanya.

Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Stephen Doss, pula mencadangkan supaya kerahan tenaga itu dilaksanakan dalam bentuk kerja sukarela.

Beliau berkata, pemuda yang berusia 18 tahun ke atas harus diwajibkan berkhidmat beberapa jam seminggu bersama badan kebajikan setempat di kawasan masing-masing.

"Program itu harus dijalankan di bawah pengawasan pegawai kebajikan di setiap negeri dan daerah. Jika perlu, mereka boleh bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga," katanya.

Beliau berkata, satu pasukan khas harus ditubuhkan serta merta untuk memantau pelaksanaan program selain menubuhkan pasukan perintis bagi melatih sekumpulan pemuda sebagai mentor.